

For immediate release

MEDIA STATEMENT

IDEAS: Management of COVID-19 urgently requires consistency and clarity

Kuala Lumpur, 10 February 2021 - The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) urgently calls on the government to implement consistent and clear standard operating procedures (SOPs) to contain the virus. The changes and lack of clarity are not helpful for the country's battle against COVID-19.

MCO 2.0 began on the 13th of January. Since then, there has not been a significant decrease in the numbers of daily positive infections. In fact, there seems to be an increase in the number of deaths, including those who die at home without treatment when their symptoms worsen.

On Tuesday 9 February, the government announced a set of rules that loosened the MCO. On Monday 8 February, the government announced that Ministers only need to serve three days' quarantine upon returning from overseas. Over the period of this MCO, there have been too many changes in a short amount of time, and this current situation of policy flip-flops and new guidelines is not tenable as businesses and organisations need predictability and consistency for planning purposes.

"While there is a need to balance between public health and economic concerns, the current guidelines do not provide a solution for either," comments Tricia Yeoh, Chief Executive Officer of IDEAS.

"Has the current MCO achieved its intended objective in the fight against COVID-19, and what data do we have to show that this strategy is working? While it is important to ensure that the economic livelihood of businesses and their employees do not suffer as a result of lockdowns, what is even more important is consistency and clarity over decision-making."

"The fact that Ministers are now exempted from the standard 10-day quarantine sends a signal that there is inconsistent application of the rules."

IDEAS recommends that the government provides further clarity over the next 6 - 12 months over what public health data points are used to decide on either tighter or looser rules. The government should adopt a pandemic management scale, meaning a tiered approach in the levels of restrictions it decides to implement. It should consider a Pandemic Severity Index as proposed by the Center for Disease Control (CDC), or a set of KPIs to measure the pandemic severity as previously proposed by Dr Khor Swee Kheng of the Malaysian Health Coalition.

A set of KPIs will be more holistic and more accurate to determine pandemic severity and the government's performance, instead of seemingly relying on a single KPI of daily new cases that is easily influenced, not holistic and inaccurate. A set of KPIs will mean that decisions are data-driven, independent, and not arbitrary as is currently the case. Examples of KPIs to drive the decisions include a 7-day average of new cases, percentage of positive cases over total tests performed, R0 and death rate.

"We urge the government to ensure that its decision-making process is transparent, data-driven and grounded in evidence. To avoid confusion, it should tell us how it is deciding when and what should be permitted. State governments should also be regularly consulted on decisions throughout the process. This ensures there is full transparency and public accountability in the way lockdowns are decided upon and then implemented, as well as the vaccination roll-out plan", comments Yeoh.

IDEAS welcomes the formation of the committee advising the government on the Emergency and looks forward to observing its decision-making process. However, it is important to note that there have been no additional measures announced under the Emergency to fight COVID-19. "This reignites the question about the necessity of the Emergency, which IDEAS raised when it was first announced. It is our hope that the committee will decide wisely on the decision to end what was unnecessary in the first place," Yeoh concludes.

--- END ---

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

For enquiries, please contact:

Amir Ridzuan Jamaludin
Assistant Manager, External Relations
+603 2070 8881/8882
amir@ideas.org.my

Kenyataan Media

Pengurusan COVID-19 perlukan segera ketekalan dan kejelasan

Kuala Lumpur, 10 Februari 2021 - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) menyeru agar pihak kerajaan segera melaksanakan tatacara pengendalian piawai (SOP) yang tekal dan jelas untuk mengekang virus tersebut. Pelbagai perubahan dan kurang kejelasan tidak membantu negara dalam usaha menentang COVID-19.

PKP 2.0 telah bermula pada 13 Januari 2021. Sejak itu, tiada angka pengurangan ketara dalam jumlah jangkitan positif harian. Malah, seolah-olah terdapat peningkatan dalam jumlah kematian, termasuk jumlah yang meninggal dunia di rumah tanpa mendapat rawatan ketika simptom mereka bertambah teruk.

Pada hari Selasa 9 Februari 2021, pihak kerajaan telah mengumumkan peraturan yang telah melonggarkan PKP. Pada hari Isnin 8 Februari 2021, kerajaan mengumumkan bahawa para Menteri hanya perlu menjalani kuarantin selama 3 hari selepas pulang dari luar negara. Sepanjang pelaksanaan PKP ini, terdapat terlalu banyak perubahan dalam masa yang singkat, dan situasi semasa dasar yang sentiasa berubah serta garis panduan baharu amat tidak munasabah kerana pelbagai perniagaan dan organisasi memerlukan kebolehramalan dan ketekalan untuk tujuan perancangan.

“Ketika terdapat keperluan untuk menyeimbangkan antara kesihatan awam dan kebimbangan ekonomi, garis panduan semasa tidak mampu menyediakan penyelesaian kepada kedua-dua perkara,” ulas Tricia Yeoh, Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS.

“Adakah PKP yang dijalankan sudah mencapai objektifnya dalam melawan COVID-19 dan adakah kita mempunyai data yang mencukupi untuk menunjukkan bahawa strategi ini berkesan? Sungguh pun amat penting untuk memastikan mata pencarian ekonomi perniagaan-perniagaan dan para pekerja mereka tidak terjejas disebabkan kawalan pergerakan, perkara yang lebih penting ialah ketekalan dan kejelasan dalam membuat keputusan.”

“Para menteri kini dikecualikan dari tempoh standard kuarantin selama 10 hari memberi isyarat ketidaktekalan dalam pelaksanaan peraturan.”

IDEAS menyarankan agar pihak kerajaan memberikan lebih kejelasan dalam jangka masa 6 hingga 12 bulan yang akan datang berkenaan apakah titik data kesihatan awam yang digunakan untuk menentukan pelaksanaan sama ada peraturan yang lebih ketat atau lebih longgar. Kerajaan perlu menggunakan pakai satu neraca pengurusan wabak, iaitu satu pendekatan berperingkat pada tahap sekatan yang ingin dilaksanakan. Kerajaan perlu mempertimbangkan *Pandemic Severity Index* yang diperkenalkan oleh Pusat Kawalan Penyakit (CDC) Amerika Syarikat atau menetapkan satu set petunjuk prestasi utama (KPI) untuk mengukur keparahan wabak sebagaimana yang disarankan sebelum ini oleh Dr. Khor Swee Kheng dari Gabungan Kesihatan Malaysia.

Set KPI ini akan menjadi lebih menyeluruh dan tepat untuk menentukan keparahan wabak serta prestasi kerajaan, berbanding hanya seolah-olah bergantung kepada KPI tunggal jumlah kes harian yang mudah dipengaruhi, tidak menyeluruh dan tidak tepat. Set KPI ini bererti keputusan adalah bersandarkan kepada data, bebas, dan tidak dilakukan sewenang-wenangnya sebagaimana yang berlaku ketika ini. Contoh KPI yang dapat memandu penetapan keputusan termasuk jumlah purata kes baharu dalam tempoh 7 hari, peratusan jumlah kes positif berbanding jumlah keseluruhan ujian pengesanan yang dilakukan, R0 dan juga kadar kematian.

“Kami menggesa pihak kerajaan untuk memastikan proses membuat keputusan berlangsung dengan telus, bersandarkan kepada data dan berdasarkan kepada bukti. Untuk mengelakkan kekeliruan, kerajaan perlu memaklumkan bagaimana proses membuat keputusan mengenai perkara dan waktu sesuatu kebenaran diberikan. Kerajaan-kerajaan negeri juga perlu kerap dirunding sepanjang proses membuat keputusan ini. Hal ini supaya dapat memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban awam sepenuhnya sewaktu sekatan pergerakan ditentukan seterusnya dilaksanakan, termasuk proses implementasi pelan vaksinasi,” ulas Yeoh.

IDEAS mengalu-alukan penubuhan jawatankuasa penasihat kerajaan berkenaan perintah Darurat dan menantikan untuk memantau proses membuat keputusannya. Namun, amat penting untuk kita perhatikan bahawa tidak ada langkah-langkah tambahan yang diumumkan di bawah perintah Darurat untuk menentang COVID-19. “Hal ini menimbulkan semula persoalan mengenai keperluan pelaksanaan perintah Darurat, yang telah IDEAS timbulkan ketika kali pertama Darurat diumumkan. Kami berharap pihak jawatankuasa ini akan mengambil keputusan dengan bijak dalam menamatkan sebarang perkara yang tidak diperlukan pada awalnya,” simpul Yeoh.

--- TAMAT ---

Mengenai IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Amir Ridzuan Jamaludin

Penolong Pengurus, Perhubungan Luar

+603 2070 8881/8882

amir@ideas.org.my